

# **KEFAHAMAN MAHASISWA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM JOHOR SULTAN IBRAHIM (KUIJSI) TERHADAP KONSEP AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**

Ahmad Safwan Bin Yunos<sup>1</sup>, Muhammad Akif Shakir Bin Abdul Shukor<sup>2</sup>

Muhammad Syafiq Ikhwan Bin Ishak<sup>3</sup>, Dinie Nur Aiman Bin Suwaji<sup>4</sup>

Siti Nurizwani Binti Zainuddin<sup>5</sup>, Nur Athirah Izzaty Binti Abdullah<sup>6</sup>

## **Abstrak**

Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah telah lama bertapak di Malaysia secara umum dan di Johor secara khusus selari dengan kemasukan Islam di Tanah Melayu. Namun, kefahaman masyarakat terhadap konsep Ahli Sunah Wal Jamaah masih belum berada pada tahap memuaskan. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar di Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) terhadap konsep Ahli Sunah Wal Jamaah. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah survei yang melibatkan 293 responden di KUIJSI, berdasarkan teknik prosedur persampelan rawak mudah. Hasil kajian mendapat tahap pengetahuan pelajar KUIJSI terhadap konsep Ahli Sunah Wal Jamaah berada pada tahap sederhana kerana kebanyakan jawapan betul yang diberikan bagi item-item yang ditanya adalah antara 50% ke 70%. Implikasi kajian ini dapat meningkatkan kesedaran kepada pelajar KUIJSI tentang kepentingan pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah. Usaha dan langkah proaktif perlu dilakukan oleh semua pihak sama ada pihak berautoriti di peringkat KUIJSI secara khusus dan peringkat negeri Johor serta kebangsaan secara amnya, di samping badan-badan bukan kerajaan agar kekurangan kefahaman terhadap konsep Ahli Sunah Wal Jamaah dapat diatasi. Langkah pengukuhan terbaik adalah melalui pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah, di samping ceramah di surau dan masjid.

*Kata kunci: Islam, Ahli Sunah Wal Jamaah, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim, KUIJSI*

---

<sup>1</sup> Pensyarah Usuluddin, Sekolah Penggajian Islam, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI).

<sup>2</sup> Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI).

<sup>3</sup> Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI).

<sup>4</sup> Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI).

<sup>5</sup> Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI).

<sup>6</sup> Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI).

## **Pendahuluan**

Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan pegangan rasmi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Ia bermaksud suatu kelompok yang berpegang dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat (MAIS, 2023). Hal ini meliputi persoalan mengenai akidah, fiqh dan akhlak.

Sejak kebelakangan ini, dengan perkembangan teknologi yang pesat dan kemunculan media sosial yang mengandungi pelbagai maklumat di hujung jari, terdapat fahaman-fahaman sesat yang telah tersebar dalam kalangan masyarakat terutamanya di Malaysia. Antaranya ialah ajaran agama Ahmadi (Wan Ahmad Naqiuddin, 2024), ajaran SiHulk (Saifuddin, S. (2023), ajaran Nur Mutiara Mutmainnah (NMM) dan lain-lain. Terdapat juga pelbagai amalan menyesatkan umat Islam yang dilakukan pengikutnya atas nama untuk menyucikan jiwa malah boleh berhubung dengan orang-orang soleh yang sudah meninggal dunia. Hal ini amat membimbangkan kerana ajaran ini sedikit sebanyak mempengaruhi keutuhan akidah dan amalan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Penyebaran ajaran sesat adalah disebabkan kekurangan kefahaman agama yang mendalam di kalangan masyarakat, menimbulkan cabaran besar bagi pemeliharaan ajaran Islam. Hal ini secara tidak langsung menyumbang kepada persepsi negatif terhadap agama, masyarakat dan negara.

Oleh itu, kajian ini dibuat untuk melihat kefahaman masyarakat terutamanya mahasiswa dan mahasiswi di Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) tentang konsep fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mereka seharusnya diterapkan dalam kehidupan seharian. Pemilihan mahasiswa dan mahasiswi Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) sebagai subjek kajian tentang konsep fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dilakukan adalah disebabkan KUIJSI merupakan institusi yang berlandaskan pendidikan Islam, di mana pengajaran dan pembelajaran berakar pada nilai-nilai dan prinsip Islam. Mahasiswa dan mahasiswi di institusi ini diharapkan memiliki atau sedang mengembangkan pemahaman yang mendalam tentang ajaran Islam, termasuk fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mereka merupakan sampel yang ideal untuk menilai sejauh mana pendidikan agama diterima berpengaruh terhadap pemahaman dan aplikasi konsep-konsep tersebut dalam kehidupan seharian.

## **Kepentingan konsep Ahli Sunnah wal Jamaah terhadap umat Islam**

Ahli Sunnah Wal Jamaah mewakili majoriti umat Islam dengan menekankan pentingnya kesatuan dalam pelbagai pemikiran dan amalan agama. Konsep ini mengajarkan toleransi dan saling menghormati terhadap perbezaan pandangan serta sentiasa menjaga

keharmonian dan kesatuan umat Islam. Ahli Sunnah wal Jamaah juga berpegang teguh kepada pemahaman Al-Qur'an dan al-Hadits berdasarkan pemahaman sahabat Nabi, para tabi'in, dan tabi'ut tabi'in (Monang, S., et al 2022). Hal ini bagi memastikan kefahaman dan tafsiran yang tepat dalam ajaran Islam.

Melalui penekanannya terhadap kesederhanaan dan penolakan terhadap fahaman yang bersifat ekstremisme (*al-ghuluw*), Ahli Sunnah wal Jamaah memberikan sumbangan yang besar terhadap pembentukan masyarakat Islam yang seimbang (Hamidah, K., et al 2021). Konsep ini mengelakkan pendekatan yang keras dalam beragama, bahkan mendorong setiap muslim untuk berpegang dengan prinsip Islam yang berdasarkan *rahmah* (belas kasihan) dan *wasatiyyah* (seimbang).

Ahli Sunnah wal Jamaah turut mempunyai pengaruh yang penting dalam perkembangan akidah Islam dan hukum syariah. Aliran ini memberikan dasar bagi kebanyakan mazhab akidah dan fiqh yang diikuti oleh umat Islam. Ahli Sunnah wal Jamaah sering dianggap sebagai rujukan utama dalam menyelesaikan praktik agama dan sosial, serta dalam memberikan panduan rohani dan akhlak masyarakat (Saifullah, T., et al 2021).

Fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah turut menyumbang pengaruh terhadap budaya dan nilai-nilai masyarakat setempat berlandaskan prinsip-prinsip Islam. Konsep ini berfungsi sebagai asas bagi pembangunan dan pembinaan masyarakat yang adil dan sejahtera, sesuai dengan nilai-nilai Islam. Dalam konteks yang lebih luas, kepentingan Ahli Sunnah wal Jamaah dalam Islam juga terletak pada kemampuannya untuk mengadaptasi dan berhadap dengan cabaran daripada pihak luar sambil mempertahankan isi ajaran dan nilai-nilai Islam. Hal ini bagi membolehkan umat Islam untuk hidup sesuai dengan ajaran agama dalam pelbagai konteks sosial dan budaya.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini telah dijalankan pada hujung tahun 2023 dengan tujuan untuk meninjau dan mengenalpasti tahap kefahaman mahasiswa dan mahasiswi di Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Populasi kajian merupakan seluruh mahasiswa dan mahasiswi KUIJSI. Terdapat 1051 orang pelajar yang menyambung pelajaran mereka di KUIJSI. Berdasarkan kaedah persampelan yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), bilangan minimum responden yang diperlukan bagi kajian ini adalah seramai 278 orang. Jumlah keseluruhan sampel adalah 293 orang dan diperoleh dengan kaedah persampelan rawak mudah. Instrumen yang digunakan

adalah soal selidik. Borang soal selidik telah diedarkan ke setiap pelajar di KUIJSI. Soal selidik tentang kefahaman ahli sunnah wal jammah diambil daripada (Ab Rahman et al t.t).

## Demografi Responden


Seramai 293 responden telah mengisi borang soal selidik, di mana 17 responden (5.8%) adalah pelajar Diploma Usuluddin, 25 responden (8.5%) adalah pelajar Diploma Syariah Islamiah, 9 responden (3.1%) adalah pelajar Diploma Pendidikan Tahfiz Al-Quran, 30 responden (10.2%) adalah pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran wal Qiraat, 9 responden (3.1%) adalah pelajar Diploma Pengurusan Dakwah, 182 responden (62.1%) adalah pelajar Diploma Pendidikan Islam, 16 responden (5.5%) adalah pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak – Kanak, 4 responden (1.4%) adalah pelajar Perbankan Islam, 1 responden (0.3%) adalah pelajar Diploma Kewangan Islam.

## Kefahaman Masyarakat Terhadap Konsep Ahli Sunnah Wal Jamaah

Terdapat 10 item yang telah dibentuk dan dikemukakan dalam usaha untuk menguji pengetahuan responden mengenai konsep Ahli Sunnah Wal Jamaah. Responden harus memberikan maklum balas bagi setiap soalan dalam beberapa pilihan jawapan yang disediakan. Responden boleh memilih lebih dari satu pilihan jawapan yang disediakan. Dapatkan daripada setiap item ini akan dipersembahkan dalam bentuk carta pai, jadual dan huraian deskriptif.

## Item Pertama: Bilakah anda diperkenalkan tentang konsep Ahli Sunnah wal Jamaah buat kali pertama?

Carta 1: Peratusan Permulaan Responden Diperkenalkan Tentang Konsep Ahli Sunnah Waljamaah



Dapatkan bagi item pertama menunjukkan majoriti (72.3%) masyarakat diperkenalkan dengan konsep Ahli Sunnah Wal Jamaah buat kali pertama ketika sekolah, sama ada di sekolah rendah yang terdiri dari 139 responden (47.4%) atau sekolah menengah yang terdiri dari 73 responden (24.9%). Pendidikan ibu bapa di rumah juga memainkan peranan yang penting kerana 37 responden (12.6%) mengenali konsep Ahli Sunnah Waljamaah sebelum sekolah lagi. Selebihnya adalah di madrasah atau sekolah pondok kerana terdapat majoriti responden adalah mereka yang mengambil jurusan agama dengan 41 responden (14%) dan universiti / kolej dengan 3 responden (1%).

**Item Kedua: Adakah fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah sahaja adalah fahaman yang sebenar dan satu-satunya fahaman yang boleh membawa orang Islam ke dalam syurga?**

Carta 2: Peratusan Jawapan Fahaman Ahli Sunah Waljamaah adalah fahaman yang benar



Carta 2 menunjukkan majoriti responden percaya bahawa hanya fahaman Ahli Sunnah Waljamaah sahaja adalah fahaman yang benar iaitu seramai 251 responden (85.7%), manakala baki 21 (7.2%) pula tidak pasti dengan jawapan yang diberikan dan 20 (7.1%) telah memberikan jawapan yang salah.


**Item Ketiga: Apakah definisi Ahli Sunnah wal Jamaah?**

Graf 1: Peratusan Jawapan Definisi Ahli Sunah Waljamaah

### 3. Apakah definisi Ahli Sunnah wal Jamaah?

 Copy


293 responses



Terdapat tiga definisi yang telah diberikan oleh pengkaji dan ketiga-tiga definisi tersebut adalah tepat dan responden boleh memilih ketiga-tiga definisi tersebut atau memilih salah satu darinya. Maka, mana-mana responden yang memilih ketiga-tiga atau salah satu dari definisi tersebut akan dianggap mengetahui definisi Ahli Sunnah Waljamaah. Daripada Graf 1, terdapat seramai 4 responden (1.4%) menyatakan bahawa mereka tidak tahu definisi Ahli Sunnah Waljamaah yang telah disebutkan dalam pilihan jawapan dan baki 289 responden (98.6%) pula telah membuat pilihan yang tepat sama ada dengan memilih salah satu dari definisi atau ketiganya.

### Item Keempat: Aliran-aliran akidah dalam Ahli Sunnah wal Jamaah.

Graf 2: Peratusan Jawapan Aliran Akidah dalam Ahli Sunnah Waljamaah




Item ini telah menyediakan 10 ruang untuk ditanda dan responden sepatutnya menanda “al-Asy’ari” dan “al-Maturidi” sahaja. Jika responden memilih dua jawapan ini tetapi dalam masa

yang sama memilih jawapan yang lain, maka responden tersebut tidak memahami tentang aliran akidah dalam Ahli Sunnah Waljamaah. Hasilnya, hanya 213 responden (73%) memahami tentang aliran akidah dalam Ahli Sunnah Waljamaah. Baki 5 responden (1.7%) tidak pasti dengan pilihan jawapan yang disediakan dan 65 responden (22.1%) pula telah memberikan jawapan yang salah.

#### **Item Kelima: Aliran-aliran fikah dalam Ahli Sunnah wal Jamaah.**

Graf 3: Peratusan Jawapan Aliran Fiqah dalam Ahli Sunnah Waljamaah



Majoriti responden iaitu 281 orang (95.9%) telah memilih hanya mazhab Syafie sahaja dikira sebagai aliran Fiqah dalam Ahli Sunnah Waljamaah. 13 responden (4.4%) pula tidak pasti dengan jawapan yang sesuai. Terdapat 2 responden (0.7%) yang memilih Syiah sebagai salah satu aliran dalam Ahli Sunnah Waljamaah. Baki 243 responden (%) pula telah memilih jawapan yang bercampur tetapi masih boleh dianggap betul.


#### **Item Keenam: Kemunculan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah.**

Graf 4: Jawapan responden berkaitan kemunculan fahaman Ahli Sunah Waljamaah

6. Bilakah fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah ini muncul?

[Copy](#)

293 responses



Seramai 32 responden (10.9%) tidak mengetahui jawapan yang tepat. Terdapat satu pilihan jawapan yang salah telah disediakan iaitu “zaman sekarang”. Ini kerana, menurut P3 kemunculan fahaman Ahli Sunah Waljamaah sangat perlu dirujuk kepada sejarah perkembangannya. Setiap generasi akan muncul penjenamaan Ahli Sunah Waljamaah dalam bentuk yang lebih sesuai dengan keadaan dan masa pada waktu tersebut, sama ada melalui cara penghuraianya atau pendekatan yang digunakan, tetapi ia masih menggenggam konsep yang sama. Maka, mana-mana responden yang memilih jawapan ini akan dianggap tidak memahami tentang item 6 ini. Berdasarkan graf 4, seramai 21 responden (1%) telah memberikan jawapan yang salah.


**Item Ketujuh: Adakah fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah diwartakan sebagai aliran agama Islam di Malaysia?**

Carta 3: Jawapan responden mengenai pewartaan fahaman Ahli Sunah Waljamaah sebagai aliran agama Islam di Malaysia

7. Adakah fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah diwartakan sebagai aliran agama Islam di Malaysia?

[Copy](#)


293 responses



Setakat ini, Perlembagaan Malaysia hanya menyatakan bahawa “Islam adalah agama rasmi bagi Persekutuan” tanpa menyebutkan Ahli Sunah Waljamaah sebagai maksud kepada “Islam” tersebut. Namun begitu, terdapat sarjana yang menghuraikan perkataan “Islam” itu membawa maksud fahaman Ahli Sunah Waljamaah aliran al-Ash‘ariyyah dan al-Maturidiyyah. Seramai 279 responden (95.2%) percaya bahawa fahaman Ahli Sunah Waljamaah telah diwartakan sebagai aliran agama Islam di Malaysia. 8 responden (2.7%) pula tidak pasti dengan pernyataan ini dan hanya 6 responden (2.1%) sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

**Item Kelapan: Aliran Ahli Sunnah wal Jamaah terbahagi kepada dua generasi iaitu *salaf* dan *khalaf*.**

Carta4: Peratusan jawapan pembahagian Ahli Sunah Waljamaah kepada salaf dan khalaf



Dapatan kajian menunjukkan 154 responden (52.6%) tidak pasti bahawa Ahli Sunah Waljamaah terbahagi kepada dua golongan, iaitu salaf dan khalaf. Manakala baki 129 responden (44%) memberikan jawapan yang tepat dan 10 responden (3.4%) telah memberikan jawapan yang salah.


**Item Kesembilan: Merujuk Artikel 11 Perlembagaan Malaysia, mengamalkan dan menyebarkan fahaman selain daripada Ahli Sunnah wal Jamaah adalah salah di sisi undang-undang Malaysia.**

Carta5: Peratusan jawapan responden mengenai penyebaran fahaman selain dari Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia

9. Merujuk Artikel 11 Perlembagaan Malaysia, mengamalkan dan menyebarkan fahaman selain daripada Ahli Sunnah wal Jamaah adalah salah di sisi undang-undang Malaysia.

 Copy

293 responses



Seramai 188 responden (64.2%) telah bersetuju dengan pernyataan ini manakala 74 responden (25.3%) tidak pasti dan 31 responden (10.6%) pula tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

#### **Item Kesepuluh: Siapakah yang memberitahu atau mengajar anda mengenai Ahli Sunnah wal Jamaah?**



Terdapat beberapa senarai jawapan telah disediakan bagi item orang yang mengajar atau memberitahu responden mengenai Ahli Sunah Waljamaah, antaranya pensyarah di universiti, guru agama di masjid atau surau, ibu bapa, rakan kerja, tok guru pondok atau lain-lain. Secara keseluruhannya, seramai 151 responden (51.5%) memilih jawapan “guru agama di masjid atau surau” sama ada satu pilihan itu sahaja atau ia menjadi salah satu dari jawapan mereka. Keadaan ini menunjukkan sebarang usaha penyebaran fahaman Ahli Sunah Waljamaah adalah sangat berkesan jika ia disebarluaskan melalui medium ceramah atau pengajian agama di masjid atau surau.

## **Perbincangan**

Kajian ini menunjukkan pemahaman dan persepsi Mahasiswa KUIJSI mengenai konsep Ahli Sunnah wal Jamaah, yang merupakan salah satu aliran pemikiran utama dalam Islam.

Majoriti responden mengenal konsep Ahli Sunnah wal Jamaah melalui pendidikan formal di sekolah dan secara informal di rumah oleh ibu bapa, hal ini menunjukkan peranan penting institusi pendidikan dan keluarga dalam penyebaran pemahaman agama. Keyakinan terhadap akidah ahli Sunnah Wal Jamaah oleh responden dilihat utuh mencerminkan kedudukan dan pengaruhnya yang meluas. dalam kalangan masyarakat. Hampir semua responden memahami definisi Ahli Sunnah wal Jamaah dengan baik. Hal ini menunjukkan keberkesanan pendidikan agama terhadap konsep-konsep ini. Pengetahuan tentang aliran akidah dan fiqh dalam Ahli Sunnah wal Jamaah juga sangat baik tinggi menandakan pendidikan agama yang mendalam dan berfokus telah berjaya disemai.

Walaupun terdapat sedikit kekeliruan mengenai sejarah dan kemunculan Ahli Sunnah wal Jamaah, sebahagian besar responden masih menunjukkan pemahaman yang baik tentang latar belakang sejarahnya. Kebanyakan responden mempercayai bahawa Ahli Sunnah wal Jamaah telah secara rasmi diakui sebagai aliran Islam di Malaysia. Terdapat kekeliruan juga mengenai pembahagian Ahli Sunnah wal Jamaah dalam generasi salaf dan khalaf, menunjukkan kepentingan terhadap pendidikan yang lebih mendalam dalam isu ini.

Guru agama di masjid atau surau merupakan sumber utama pembelajaran tentang Ahli Sunnah wal Jamaah, menegaskan pentingnya institusi keagamaan dalam penyebaran agama. Secara keseluruhan, kajian ini membincangkan tahap kefahaman yang tinggi terhadap Ahli Sunnah wal Jamaah dalam kalangan mahasiswa, sekaligus mengenalpasti beberapa bidang yang memerlukan perhatian lebih lanjut dalam pendidikan agama. Hal ini termasuk kefahaman tentang sejarah, aliran pemikiran, dan pembahagian teologi dalam kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah bagi memastikan pemahaman yang lebih komprehensif terhadap konsep ini.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa meskipun terdapat keberhasilan tertentu dalam pendidikan Ahli Sunnah wal Jamaah di KUIJSI, masih ada ruang untuk peningkatan, khususnya dalam memastikan bahawa mahasiswa dapat mengaplikasikan pemahaman mereka dalam kehidupan seharian dan menghadapi cabaran pada masa hadapan dengan bijaksana. Hal ini menuntut kepada pendekatan yang lebih integratif dan aplikatif dalam pengajaran dan pembelajaran konsep Ahli Sunnah wal Jamaah dalam ruang lingkungan pendidikan Islam.

## **RUJUKAN**

- Abdullah, A. R. (2021). Mukadimah: Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. In *Polemik Salafi-Wahabi: Merungkai Kekusutan*, Rimbun Islamik Media Sdn. Bhd.
- Ab Rahman, A., bin Hamdan, M. N., Razali, W. M. F. A. W., Khalid, M. Y., & Najaa'bin Mokhtar, A. KEFAHAMAN MASYARAKAT ISLAM TERHADAP KONSEP AHLI SUNAH WALJAMAAH: KAJIAN DI NEGERI SEMBILAN.
- Ahmad, A. T. (Ed.). (2012). *Utara Semenanjung Malaysia: Esei-Esei Warisan* (Penerbit USM). Penerbit Usm.
- Hafidzul Hilmi Mohd Noor (2023), <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1167084/masih-ada-ajaran-sesat-yang-aktif-ketua-polis-negara>
- Hamidah, K., & Chasannudin, A. (2021). Mechanization of Islamic moderation da'wah in the Nahdlatul Ulama pesantren tradition. *Jurnal Ilmu Dakwah*, 41(1), 15-29.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Sizes For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 607-610
- MAIS (2023). Apa Itu Akidah ahli sunnah wal jamaah – Edisi Mais. Apa Itu Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah <https://mais.gov.my/e-edisi/apa-itu-akidah-ahli-sunnah-wal-jamaah/>
- Monang, S., Saputra, B., & Harahap, A. (2022). Moderasi Beragama di Indonesia: Analisis Terhadap Akidah Ahlu Sunnah Wa Al-Jama'ah. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 11(01).
- Rosman, A. S., Abdullah, M. S. Y., & Mashrom, M. Z. (2021). Pendahuluan. In *Disiplin Ilmu Tarekat Rohani Berasaskan Manhaj Ahlus Sunnah Wal Jamaah*. introduction, Jabatan Mufti Johor
- Saifuddin, S. (2023). Analisis Perspektif Keterangan Berhubung Penguatan Kesalahan Jenayah Syariah di Alam Siber: Analysis of The Perspective on The Description Regarding The Enforcement of Sharia Criminal Offenses in The Cyber World. *CFORSJ Procedia*, 1, 196-206.
- Saifullah, T., & Aksa, F. N. (2021). Peran Pemerintah Aceh dalam Penanganan Konflik Keagamaan antar Mazhab Islam. *REUSAM: Jurnal Ilmu Hukum*, 8(2), 40-56.
- Tsen Ee Lin @ FMT Lifestyle. (2021). Beberapa Ajaran sesat terkenal di Malaysia Dan Amalan Karutnya. *Free Malaysia Today*.
- Wan Ahmad Naqiuddin (2024), <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/5857-al-afkar-146-waspada-penyebaran-ajaran-sesat-baharu-agama-ahmadi>